

# Wanita hamil perlu lengkap suntikan vaksin

**KUALA LUMPUR:** Wanita yang merancang kehamilan digesa untuk membuat persiapan awal dengan melengkapkan diri dengan suntikan vaksin Covid-19 terlebih dahulu, bagi mengurangkan risiko dan kesan jangkitan virus berkenaan.

Ketua Jabatan Obstetrik dan Ginekologi Universiti Putra Malaysia Prof Madya Dr Habibah Abdul Hamid berkata, ia amat penting sebagai langkah perlindungan memandangkan ibu hamil yang dijangkiti Covid-19 lebih berisiko untuk mengalami jangkitan serius yang memerlukan rawatan di unit rawatan rapi, berbanding wanita yang tidak mengandung.

"Buat masa ini saya menggalakkan semua wanita yang dalam proses mendapatkan bayi, sama ada menerusi rawatan IUI (permainan bera-das), IVF (persenyawaan in-vit-ro atau bayi tabung uji), leng-

kapkan dulu dua dos (vak-sin), ini adalah yang terbaik," katanya kepada Bernama.

Bagi ibu hamil pula, Dr Habibah berkata pengambil-an vaksin perlu dilengkapkan sebelum memasuki fasa akhir kehamilan iaitu trimester ke-tiga.

Beliau menjelaskan orang ramai tidak perlu takut untuk mengambil vaksin kerana ia telah terbukti selamat untuk mereka dan kandungan.

Rabu lalu Kementerian Ke-sihatan (KKM) memaklumkan sebanyak 70 kes kematian ibu hamil disebabkan komplikasi jangkitan Covid-19 dilaporkan sehingga 9 Ogos lepas, berbanding sifar kematian ibu hamil direkodkan pada 2020 akibat komplikasi wabak itu.

Sebanyak 3,396 kes Covid-19 dilaporkan dalam kalangan ibu hamil di Malaysia sejak Mac 2020 sehingga Jun 2021, manakala peratus ibu hamil yang dijangkiti Covid-19

yang menerima penjagaan rawatan rapi telah meningkat daripada tiga peratus pada 10 Julai lepas kepada 5.3 peratus pada 7 Ogos baru-baru ini.

Sementara itu menerusi pro-gram Koresponden BERNAMA terbitan Bernama TV semalam, Dr Ismail Yusoff yang bertu-gas di sebuah klinik swasta di Selangor berkata, ibu hamil yang disahkan positif Covid-19 dan menjalani kuarantin di rumah disarankan ber-hubung dengan doktor yang boleh memeriksa secara kon-sultasi dalam talian (telecon-sultation) bagi memudahkan pemantauan berkala.

Beliau berkata, mereka juga perlu memastikan bebe-rapa parameter seperti suhu badan, kadar pernafasan, tahap oksigen serta denyutan nadi berada dalam keadaan normal serta melaporkan segera kepada doktor jika ber-laku kecemasan. - Bernama